



Anwar ditemani Dr Wan Azizah menyempurnakan pelancaran buku berjudul 'Anwar Triumphs' yang ditulis Trowell (kiri) di KLCC, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Perjuangan reformasi Anwar dibukukan

PM sempurnakan pelancaran naskah ditulis peguam jenayah terkemuka Australia

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Buku bertajuk *Anwar Triumphs* yang mengisahkan mengenai sejarah perjuangan reformasi dibawa Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam arena politik Malaysia, dilancarkan semalam.

Majlis pelancaran buku setebal 195 muka yang ditulis dalam 12 bab itu, berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), disempurnakan sendiri Anwar yang juga Perdana Menteri.

Naskah berharga RM86 senaskah itu ditulis peguam jenayah terkemuka Australia, Mark Trowell.

Yang turut hadir pada majlis ringkas itu, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Buku itu turut menceritakan mengenai pengkhianatan politik yang dialami Anwar sepanjang menggerakkan reformasi dan pemimpin pembangkang.

Sejarah Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 yang menyaksikan Parlimen tergantung sehingga

kepada pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri ke-10 turut didedahkan.

Naskah menarik

Trowell menyatakan, naskah ditulisnya itu bukan hanya berkisar perjalanan Anwar menjadi Perdana Menteri ke-10, tetapi untuk menceritakan keseluruhan gerakan reformasi sejak ia mula dilancar pada 1998.

"Hal undang-undang menarik minat saya, kerana saya seorang peguam, tetapi perjuangan

Anwar benar-benar menawarkan pandangan yang jarang mengenai kehidupan politik Malaysia dan ketegangan masyarakat berbilang kaum dalam komuniti.

"Pencapaian gerakan reformasi yang berjuang bertahun-tahun untuk mengatasi kerajaan autoritarian berkuasa lebih dari 50 tahun. Kisah ini perlu diceritakan dan dikemas kini," katanya.

Trowell juga memberikan penghargaan kepada Dr Wan Azizah yang turut memainkan peranan penting dalam politik Malaysia.